



LATIHAN SIMULASI MYPEC

JABATAN PELESENAN DEWAN BANDARAN MyPEC

Syarat-syarat Pelesenan Premis Perniagaan Pusat Hiburan Mesin Hadiah

1. Lesen Premis yang sah hendaklah sentiasa dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat pada setiap masa.
2. Tiada aktiviti-aktiviti perniagaan lain boleh dibenarkan di dalam premis PHMH berlesen.
3. Aktiviti perniagaan PHMH hanya dibenarkan beroperasi dari 10.00 pagi hingga jam 10.00 malam sahaja.
4. Mekanisma mesin-mesin hadiah tidak boleh diubahsuai untuk aktiviti perjudian atau berunsur perjudian.
5. Tiada gambar atau bahan berunsur lucah dibenarkan ditampal atau dipamerkan di mana-mana bahagian premis.
6. Tiada sebarang bentuk perjudian atau lain-lain bentuk permainan yang berunsur perjudian boleh dibenarkan melalui permainan mesin hadiah ini.
7. Tiada sebarang minuman keras, rokok atau seumpamanya boleh dijual, dihidangkan, diminum atau dihisap di dalam premis PHMH.
8. Pengusaha atau pelesen PHMH hendaklah memastikan tiada dadah, pil-pil ecstasy atau lain-lain pil berbahaya dan senjata berbahaya boleh dibenarkan dibawa masuk ke dalam premis.
9. Pengusaha atau pelesen PHMH hendaklah memastikan bunyi bising mesin hadiah adalah pada tahap minima dan tidak menimbulkan kacauganggu.
10. Pencahayaan dalam premis hendaklah dalam keadaan terang dan mempunyai ruang udara yang mencukupi.
11. Premis dan kawasan persekitaran hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.
12. Pelanggan yang berpakaian sekolah tidak dibenarkan masuk dan bermain mesin hadiah dengan diiringi / diawasi oleh ibu bapa atau penjaga.
13. Pelanggan di bawah umur 18 tahun boleh dibenarkan masuk dan bermain mesin hadiah dengan diiringi / diawasi oleh ibu bapa atau penjaga.
14. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan suatu notis dalam bahasa Malaysia dan Inggeris di pintu masuk PHMH yang mengandungi maklumat seperti yang dinyatakan dalam perenggan 12 dan 13.
15. Pengusaha PHMH hendaklah mematuhi syarat-syarat di atas dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dari masa ke semasa. Kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut menyebabkan tindakan undang-undang boleh diambil dan lesen akan ditarik balik atau ditamatkan.

Jawatankuasa Pelesenan
Jabatan Pelesenan
Dewan Bandaran MyPEC
Bertarikh: 1 Mei 2009